

Naib Canselor UMS kagum kesungguhan Esscom urus operasi

UB 6-2-2015 A2

Oleh MOHD NAZIB
MACPEE

LAHAD DATU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr Harun Abdullah kagum dengan kesungguhan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom) mengurus operasi secara holistik di Zon Selamat Timur Sabah (Esszone).

Beliau berkata, Esscom memberi tumpuan bukan sahaja kepada penguatkuasaan tetapi

juga mengambil kira isu yang berkaitan ekonomi, sosial dan politik dalam setiap operasinya.

“Saya amat kagum dengan pelbagai pendekatan yang digunakan oleh Esscom dalam operasinya yang saya lihat menyeluruh atau holistik iaitu meliputi semua aspek termasuk mengambil kira sensitiviti masyarakat setempat di Esszone,” katanya sempena lawatan warga akademik UMS ke ibu pejabat Esscom, di sini kelmarin.

Ketibaan rombongan itu disambut Komander Esscom

DCP Dato’ Abd Rashid Harun serta beberapa pegawai kanan Esscom.

Lawatan itu antara lain bertujuan mengeratkan kerjasama dua hala dalam konteks keselamatan, terutama membantu usaha Esscom menangani pelbagai isu keselamatan yang melibatkan isu jenayah rentas sempadan, khususnya di Esszone.

Terdahulu, Rashid berkata Esscom amat mengalu-alukan pandangan dan idea bernas daripada golongan cendekiawan

UMS dalam membantu Esscom merencana dan merangka strategi yang berkesan.

Beliau berkata, kerjasama seumpama itu adalah selaras dengan aspirasi dan kehendak semua lapisan masyarakat termasuk warga akademik yang mahu melihat kawasan pantai timur Sabah sentiasa aman, damai dan makmur.

Mengenai operasi Esscom, beliau berkata Esscom sedang berusaha untuk menghapuskan dominasi pendatang tanpa izin (PTI) yang menjalankan

perniagaan tanpa permit di kawasan bandar termasuk menjual barangan seludup.

“Dengan cara ini, kita akan dapat memberi ruang dan peluang kepada warga tempatan untuk menjalankan perniagaan sekaligus membantu meningkatkan taraf ekonomi dan pendapatan mereka yang sebelum ini dikuasai oleh PTI seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara,” katanya.

Rashid yakin dengan kerjasama semua pihak dan operasi



HARUN menerima cendera kenangan daripada Rashid.



HARUN (tiga kanan), Rashid (tiga kiri) dan rombongan berkesempatan merakamkan album kenangan sempena lawatan itu.

bersepadu yang berterusan, usaha ke arah mewujudkan konsep ‘Bandar Selamat’ akan menjadi kenyataan pada masa akan datang.

“Berdasarkan kepada slogan ‘membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul’, kita sedang bekerja ke arah ini dan berharap impian untuk menjadikan Esszone bandar

selamat akan menjadi realiti dalam sedikit masa lagi.

“Apa yang penting, semua pihak termasuk golongan pendidik, ahli politik dan perniagaan serta masyarakat setempat sama-sama berganding bahu serta memberikan kerjasama sepenuhnya bagi mencapai misi murni ini,” katanya.